



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SUMBANGAN KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU TERHADAP DASAR BAHASA

NORIHAN BT RAWI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Fokus Kajian	2
1.3	Kepentingan Dasar bahasa	2-3
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Kaedah Kajian	3-4
1.6	Kepentingan Kajian	4

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Tinjauan literatur	5-6
2.2	Perkembangan Bahasa Melayu	6-9
2.3	Senario Pelaksanaan Dasar Bahasa	9-11
2.4	Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu	12



BAB 3 KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU I

3.1	Pengenalan	13-14
3.2	Piagam	14-15
3.3	Usul	15-16

BAB 4 KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU II

4.1	Pengenalan	17
4.2	Isu	18
4.3	Usul	18-19
4.4	Resolusi	19

BAB 5 KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU III

5.1	Pengenalan	20-21
5.2	Kertas Kerja	21-23
5.3	Abstrak Kertas Kerja	23-27
5.4	Usul	27-32
5.5	Resolusi	32-33

BAB 6 KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU IV

6.1	Pengenalan	34-35
6.2	Kertas Kerja	35-37
6.3	Abstrak Kertas Kerja	37-42
6.4	Usul	42-43

6.5	Resolusi	43
6.5.1	Hasrat dan Cita-cita	43-45
6.5.2	Dasar dan Pelaksanaan	45-48
6.5.3	Agensi	48-49
6.5.4	Hakikat Yang Wujud di Pelbagai Sektor	49-56
6.5.5	Masa Depan	56-57

BAB 7 KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU V

7.1	Pengenalan	58
7.2	Kertas Kerja	59
7.3	Abstrak Kertas Kerja	60-64
7.4	Isu	64
7.5	Resolusi	64-73
7.6	Sumpah Bahasa	73

BAB 8 KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU VI

8.1	Pengenalan	74-75
8.2	Isu	75
8.3	Kertas Kerja	76
8.4	Abstrak Kertas Kerja	76-82
8.5	Resolusi	82

BAB 9 SUMBANGAN KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU

9.1	Pengenalan	83-84
9.2	Sumbangan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu	85
9.2.1	Penetapan penggunaan Tulisan Rumi	85-86
9.2.2	Pengiktirafan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Rasmi	86
9.2.3	Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka	86-87
9.2.4	Penyatuan Bahasa Melayu Malaya dan Indonesia	87-88
9.2.5	Pengukuhan Bahasa Melayu	88-93

BAB 10 KESIMPULAN


10.1	Pengenalan	92-96
10.1	Kejayaan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu	96
10.2	Usul Yang Tidak Dapat Dilaksanakan	97
10.4	Yang Masih Menjadi Isu	97-100

BIBLIOGRAFI



PENGAKUAN

Saya mengaku projek sarjana ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



12.05.2004

NORIHAN BT RAWI
2002-00736





PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya, projek sarjana ini dapat disiapkan seperti yang telah dirancang walaupun terdapat pelbagai kesukaran dan masalah semasa menyiapkannya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Prof.. Abdullah Hassan selaku penyelia yang telah banyak membimbing, memberikan pandangan serta kritikan yang membina dalam rangka usaha menyiapkan kertas projek ini.

Khusus buat ibu, ayah dan keluarga yang dikasihi, penghargaan yang tidak terhingga atas pengorbanan yang diberikan.

Seterusnya penghargaan ini ditujukan buat sahabat seperjuangan yang turut memberi bantuan dari segi idea, tenaga, msa dan dorongan dalam menyiapkan kertas kerja ini. Akhir sekali, terima kasih di ucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan kertas projek ini.

Semoga dengan bantuan dan kebaikan yang dicurahkan akan mendapat ganjaran yang baik daripada Allah s.w.t.





ABSTRAK

Dasar bahasa sering sahaja mengalami perubahan. Perubahan yang berlaku dalam dasar bahasa turut juga membawa perubahan yang besar kepada perkembangan bahasa Melayu. Perubahan yang terkini dalam dasar bahasa ialah pelaksanaan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Jika kita meninjau perkembangan dasar bahasa, kita tidak dapat lari daripada melihat sumbangan yang diberikan oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu telah diadakan sebanyak enam kali bermula pada tahun 1952, 1954, 1956, 1984, 1998 dan yang terbaru pada tahun 2002. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu telah banyak memberikan sumbangan terhadap pembentukan dasar bahasa.

Sejak Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I diadakan hingga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu VI, banyak kertas kerja yang dibentangkan. Kertas kerja ini merangkumi pelbagai bidang antaranya ialah bahasa, kesusasteraan, seni lukis, persuratan dan lain-lain. Walau pun kertas kerja ini terdiri dari pelbagai bidang, tetapi fokusnya tetap satu iaitu perkembangan dan usaha pengukuhan bahasa Melayu.





ABSTRACT

~~The language foundation~~^{policy} is always experiencing reformation. The reformation happened in the language foundation also brought big changes to the Malay language foundation. The latest changes in the language foundation is the implementation in teaching Mathematics and Science in English

If we look at the development changes in the language foundation, we cannot avoid from looking at the contribution given by Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu was being held for six times beginning from 1952, 1954, 1956, 1984, 1998 and the latest was in year 2002. The Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu had contributed a lot to the formation of the language foundation.

There were many paper works presented since the first Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu was held until the sixth Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. The paper works included different areas much as language, literature, arts, literary work and others. Eventhough the paper works were from different areas but the main focus is on the development and strengthening of Malay language.





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini adalah mengenai dasar bahasa. Kajian meliputi perkembangan dasar bahasa di negara ini dan sumbangan yang dimainkan oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu terhadap Dasar Bahasa Negara bermula daripada kongres yang pertama hingga kongres keenam.

Apabila kita melihat perkembangan dasar bahasa, ada sahaja pergolakan bermula sejak negara mencapai kemerdekaan hingga ke hari ini. Yang terkini melibatkan pengajaran Sains dan Matematik. Dalam kedua-dua subjek tersebut, kerajaan menetapkan pengajaran hendaklah dilakukan dalam bahasa Inggeris bermula Januari 2003 bagi pelajar Tahun 1 dan pelajar Tingkatan 1.





1.2 Fokus Kajian

Bahasa memainkan peranan yang penting kepada seseorang individu dan juga sesebuah negara. Malaysia menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan sejak 1955. Namun masalah mula timbul apabila bahasa Inggeris mula digunakan secara meluas sama ada dalam perbualan, perniagaan, perundangan dan baru-baru ini dalam bidang pendidikan. Keadaan ini seakan-akan mengetepikan dan mencabar kedudukan bahasa Melayu yang diiktiraf sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan sejak 1955. Keadaan semakin runcing apabila kerajaan menetapkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bermula Januari 2003. Dengan senario sekarang apakah kedudukan bahasa Melayu pada masa akan datang?



Oleh kerana bahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian, maka penggunaan bahasa yang baik adalah penting dalam menjamin kelangsungan kehidupan. Begitu juga dengan negara, demi menjamin sesebuah negara itu bergerak maju tanpa sebarang masalah, maka sesuatu dasar yang digubal memainkan peranan yang penting. Dasar dalam sesebuah negara adalah penting kerana dasarlah yang menentukan hala tuju sesebuah negara. Dasar politik atau dasar sosial semuanya sama penting dalam menjamin kesejahteraan sesebuah negara.

1.3 Kepentingan Dasar Bahasa

Dasar bahasa, sama seperti dasar-dasar kerajaan yang lain, kepentingannya terhadap pembangunan negara tidak dapat diketepikan. Kerana bahasa menjadi aset penting dalam





perkembangan pendidikan dan perhubungan antara masyarakat dalam sesebuah negara. Tanpa penggunaan bahasa yang sesuai, sudah tentu pendidikan dan ilmu tidak dapat disampaikan dengan sempurna kepada rakyat. Maka tanpa ilmu, sudah tentu negara tidak dapat dibangunkan seperti yang diharapkan.

Oleh itu, kajian ini dibuat bagi melihat perkembangan dasar bahasa sejak merdeka sehingga kini. Kajian ini melihat kepentingan dasar bahasa dalam membangunkan negara. Tumpuan yang lebih akan diberikan kepada sumbangan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu terhadap dasar Bahasa Negara.



1.4 Objektif Kajian

1. Menenal pasti apakah Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu
2. Melihat sumbangan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu terhadap pembentukan Dasar Bahasa Negara.
3. Melihat perkembangan Dasar Bahasa sejak Merdeka hingga kini.

1.5 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan ialah kaedah perpustakaan. Kaedah kajian perpustakaan dilakukan dengan mengumpulkan maklumat dari:

1. Kertas kerja yang berkaitan
2. Jurnal-jurnal





3. Buku-buku

Kertas kerja yang dikaji ialah yang disampaikan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu, iaitu:

1. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I (12-13 April 1952)
2. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu II (1-2 Januari 1954)
3. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III (16-21 September 1956)
4. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV (7-10 Disember 1984)
5. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu V (2-3 Mei 1998)
6. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu VI (5 September 2002)



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian terhadap pelaksanaan dasar bahasa. Kajian ini penting kerana, bahasa Melayu merupakan Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi seperti yang termaktub dalam Perkara 152 dan Akta Bahasa 1963/67.

Dengan adanya kajian seperti ini diharapkan dapat membantu pelaksanaan dasar yang lebih berkesan. Di samping itu, diharapkan juga dapat diperbaiki kelemahan pelaksanaan dasar bahasa sekarang supaya pelaksanaan dapat mencakupi semua bidang.

